



Fail: KPKT/BPK/19/7/4 Klt.41(67)

Tarikh : 26 Mac 2013

SIARAN MEDIA

TAMAN DESA MESRA BERJAYA DIPULIH DENGAN DANA RM11.8 JUTA SELEPAS 25 TAHUN TERBENGKALAI

KUANTAN, 26 Mac 2013 – Y.B. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) merasmikan Majlis Penyerahan Kunci dan Sijil CFO Taman Desa Mesra yang terbengkalai selama 25 tahun pada pagi ini. Pemulihan projek perumahan yang terbengkalai ini menelan belanja sebanyak RM11.8 juta dari Kerajaan. Projek perumahan ini telah dimulakan pada 1985 dan sepatutnya siap pada 1987. Ia terhenti apabila pemaju projek Ruslan A.R. Properties Sdn. Bhd. menghadapi masalah kewangan dan aliran tunai yang telah digulungkan pada 21 Oktober 2010.

Syarikat YYM Builders Sdn. Bhd. yang dilantik sebagai kontraktor penyelamat sementara pelikuidasi ialah Hall Chadwick Corporate Advisory Sdn. Bhd. Syarikat YYM Builders Sdn. Bhd telah menyiapkan projek ini dalam tempoh 14 bulan bermula 15 Jun 2011 dan siap pada 15 Ogos 2012. Projek ini telahpun memperoleh Sijil Layak Menduduki (CFO) pada 13 Ogos 2012. Projek perumahan Taman Desa Mesra di tanah milik Ruslan A.R. Properties Sdn. Bhd ini melibatkan tiga (3) jenis pemajuan: rumah teres satu tingkat (jenis A), rumah teres satu tingkat

(jenis B) dan rumah teres satu tingkat (jenis C). Ketiga-tiga pemajuan ini yang melibatkan sebanyak 212 unit rumah.

Bagi negeri Pahang, sebanyak 11 projek perumahan swasta ter-bengkalai direkodkan dari tahun 2009 hingga 28 Februari 2013. Ia melibatkan 2,912 unit rumah. Daripada jumlah tersebut, sebanyak sembilan (9) projek termasuk Taman Desa Mesra telah pun disiapkan dan baki dua (2) projek lagi sedang dipulihkan.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Dato' Seri Chor Chee Heung. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KPKT.

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555
Faks : 03-8891 5557
E-mail : pro@kpkt.gov.my